

SULIT  
3766/1  
PERNIAGAAN  
Kertas 1  
Oktober 2020  
1 ¼ jam

3766/1



MAJLIS PENGETUA SEKOLAH MALAYSIA  
NEGERI SEMBILAN

---

PROGRAM PENINGKATAN AKADEMIK TINGKATAN LIMA  
SEKOLAH-SEKOLAH MENENGAH NEGERI SEMBILAN 2020

---

PERNIAGAAN

Kertas 1

Satu jam lima belas minit

---

JANGAN BUKA KERTAS SOALAN INI SEHINGGA DIBERITAHU

- 1 *Kertas soalan ini mengandungi 40 soalan.*
- 2 *Jawab semua soalan.*
- 3 *Tiap-tiap soalan diikuti oleh empat pilihan jawapan yang berhuruf A, B, C dan D. Bagi tiap-tiap soalan, pilih satu jawapan sahaja. Tandakan semua jawapan anda pada kertas jawapan yang disediakan.*
- 4 *Anda dibenarkan menggunakan kalkulator saintifik.*

---

Kertas soalan ini mengandungi 14 halaman bercetak

[Lihat halaman sebelah

- 1 Apakah kaedah yang digunakan untuk melaksanakan dasar pemberian subsidi kerajaan?
- A Jualan pada harga kos  
 B Jualan secara percuma  
 C Jualan pada harga di atas kos  
 D Jualan pada harga di bawah kos
- 2 Pernyataan berikut berkaitan dengan sejenis perniagaan perkongsian.

- |   |
|---|
| <ul style="list-style-type: none"> <li>• Liabiliti terhad</li> <li>• Hayat berterusan</li> <li>• Fleksibiliti perniagaan</li> </ul> |
|---|

Mengapakah masih kurang peniaga memilih jenis pemilikan perniagaan tersebut?

- A Sukar dibubarkan  
 B Kurang kesedaran  
 C Entiti berasingan  
 D Melibatkan ramai anggota
- 3 Apakah prinsip koperasi?
- A Kebebasan autonomi  
 B Jumlah anggota yang terhad  
 C Pulangan dalam bentuk faedah  
 D Kawalan autokratik
- 4 Maklumat berikut berkaitan dengan klasifikasi perniagaan.

Perniagaan X	Perniagaan Y
Columbia Asia Hospital, Seremban	Syarikat Air Negeri Sembilan

Klasifikasi perniagaan manakah yang tepat bagi perniagaan X dan Y?

	Perniagaan X		Perniagaan Y	
	Sektor	Jenis	Sektor	Jenis
A	Sekunder	Pembuatan	Tertier	Awam
B	Sekunder	Perubatan	Tertier	Swasta
C	Tertier	Swasta	Sekunder	Pembekalan Tenaga
D	Tertier	Awam	Sekunder	Kejuruteraan

- 5 Gambar 1 berkaitan dengan sebuah perniagaan.



Gambar 1

Antara berikut, yang manakah berkaitan dengan skala perniagaan bagi perniagaan tersebut?

- I Penerimaan diskaun pembekal tinggi
  - II Perniagaan meliputi zon tertentu
  - III Mempromosi melalui MATRADE
  - IV Menikmati faedah ekonomi bidangan
- 
- A I dan II
  - B I dan IV
  - C II dan III
  - D III dan IV
- 6 Maklumat berikut berkaitan peranan kerajaan dalam menangani isu negara.


KUALA LUMPUR: Hanya majikan yang tidak membuang pekerja, tidak memotong gaji dan tidak mengarahkan pekerja mengambil cuti tanpa gaji akan memperoleh manfaat Program Subsidi Upah.

*Petikan keratan akhbar BH Online, 28 Mac 2020.*

Program yang diperkenalkan oleh kerajaan bertujuan untuk membendung pengangguran


- A bermusim.
  - B struktur.
  - C geseran.
  - D kitaran.
- 7 Apakah bentuk pelepasan cukai yang diberikan kepada syarikat pengeluaran berasaskan bahan mentah tempatan?
- A Potongan cukai
  - B Pengecualian cukai
  - C Elaun cukai pelaburan
  - D Elaun pelaburan semula

- 8 Graf 1 berkaitan dengan perubahan persekitaran perniagaan.



Situasi manakah yang menggambarkan keadaan X?

- A Peningkatan kadar deflasi negara
  - B Penambahan kapasiti pengeluaran produk
  - C Penambahan dalam perbelanjaan kerajaan
  - D Peningkatan dalam tabungan pengguna
- 9 Faktor luaran manakah yang dapat membawa perubahan terhadap persekitaran perniagaan?
- A Penyelidikan dan pembangunan
  - B Teknologi maklumat
  - C Sosiobudaya
  - D Pemasaran
- 10 Gambar 2 berkaitan kesan perubahan persekitaran terhadap organisasi perniagaan.



Gambar 2

Aspek manakah yang berkaitan dengan kesan perubahan tersebut?

- A Pasaran
- B Pendapatan
- C Guna tenaga
- D Undang-undang

- 11 Rajah 1 menunjukkan jadual yang digunakan oleh syarikat pembinaan bagi merancang pelaksanaan projek perumahan.

Aktiviti	2018				
	Jan	Feb	Mac	Apr	Mei
Mengenal Pasti Projek	■				
Pemilihan Projek/ Masalah	■	■			
Mengumpul Data dan Analisis Projek		■	■		
Penetapan Objektif/ Sasaran				■	
Cadangan Penyelesaian				■	■

Rajah 1

Apakah ciri objektif yang terlibat?

- A Spesifik  
 B Munasabah  
 C Boleh dicapai  
 D Jangka masa
- 12 Antara berikut, yang manakah tujuan sesebuah perniagaan menetapkan misi?  
 I Garis panduan setiap jabatan  
 II Mencapai sasaran secara khusus  
 III Rancangan matlamat jangka panjang  
 IV Kecekapan dalam pengagihan sumber
- A I dan II  
 B I dan IV  
 C II dan III  
 D III dan IV
- 13 Penyataan berikut berkaitan dengan objektif pengeluaran bagi sebuah perniagaan.


*"Susu segar dari ladang untuk dijual hanya dalam masa 48 jam. Kami menjamin susu segar ini akan dipasarkan dalam tempoh 2 hari di kedai berhampiran anda."*



Apakah kesan kepada pengeluar sekiranya sasaran tersebut tidak dapat dicapai?

- A Mengurangkan produktiviti keluaran
- B Menghadkan pilihan pengguna
- C Meningkatkan kos pemasaran
- D Menjejaskan imej perniagaan

14 Rajah 2 menunjukkan satu struktur organisasi yang terdapat dalam perniagaan.



Rajah 2


Mengapakah struktur organisasi ini dibahagikan mengikut bahagian fungsian tertentu?

- A Membandingkan prestasi bahagian
- B Mengeratkan hubungan anggota
- C Menunjukkan hierarki kuasa
- D Mengetahui huraian tugas

15 Apakah tujuan kawalan awalan dilaksanakan di bahagian fungsian pengeluaran?

- A Memastikan aktiviti pengeluaran lancar
- B Memastikan pekerja membuat laporan
- C Memastikan standard kualiti produk
- D Memastikan input sentiasa baik

16 Rajah 3 menunjukkan proses komunikasi.




Rajah 3

Apakah keadaan yang berlaku di P?

- A Memproses maklumat yang dihantar
- B Memahami mesej yang dihantar
- C Mengolah idea agar difahami
- D Membuat tindakan terhadap maklumat

17 Gambar 3 menunjukkan bahan cetak yang digunakan dalam aliran barang dan perkhidmatan.



Gambar 3

Antara berikut, bahagian fungsian yang manakah mewujudkan bahan cetak tersebut?

- I Bahagian fungsian jualan
- II Bahagian fungsian pemasaran
- III Bahagian fungsian pentadbiran
- IV Bahagian fungsian khidmat pelanggan

- A I dan II
- B I dan IV
- C II dan III
- D III dan IV

18 Mengapakah sumber manusia perlu diberi latihan yang mencukupi?

- A Meningkatkan minat pekerja
- B Membangunkan potensi pekerja
- C Mengekalkan kesetiaan pekerja
- D Menghargai sumbangan pekerja

19 Keratan akhbar berikut menunjukkan satu situasi yang dialami oleh sebuah perniagaan.

Kumpulan Naza terpaksa hentikan 255 staf selepas jualan kenderaan merudum

**Kilang Naza buang 42% pekerja**

Sumber: Berita Harian

Apakah peranan yang boleh dimainkan oleh pengurus sumber manusia bagi mengatasi masalah tersebut?

- A Merekrut pekerja baharu
- B Meningkatkan kos latihan
- C Mengekalkan budaya kerja
- D Membayar pampasan setimpal

20 Situasi yang manakah berkaitan dengan Standard Prosedur Operasi (SOP) tugas bagi aspek pengelolaan sumber manusia?

- A Kerani akaun menggunakan perisian perakaunan terkini
- B Pengurus pemasaran dikurniakan sijil kecemerlangan perkhidmatan
- C Doktor menggunakan sarung tangan semasa melakukan pembedahan
- D Pekerja di loji penapisan minyak dibayar insurans secara berkelompok

21 Dialog berikut berkaitan aspek penghargaan dan hukuman dalam pembangunan perniagaan.

Pembekal : Jika awak membuat semua belian bahan binaan dengan syarikat saya, 20% daripada harga belian saya akan beri kepada awak sebagai balasan tanpa pengetahuan sesiapa.

Pengurus : Baik, saya setuju.

Antara berikut, jenis kesalahan manakah yang terlibat dalam urusan tersebut?

- I Rasuah
- II Tidak beretika
- III Ingkar perintah
- IV Salah guna aset

- A I dan II
- B I dan IV
- C II dan III
- D III dan IV

22 Perbualan berikut berkaitan dengan kemahiran kebolehkkerjaan.

Zaki : Temuduga saya di Alam Maritim Sdn. Bhd. semalam gagal sedangkan saya baru sahaja mendapat diploma dalam bidang perkapalan.

Zamri : Kalau begitu, tempat kerja saya Bahtera Shipping Sdn. Bhd. amat memerlukan tenaga kerja yang baharu sahaja tamat belajar.



Apakah kemahiran keboleherjaan yang diperlukan oleh kedua-dua syarikat tersebut?

	<b>Alam Maritim Sdn. Bhd.</b>	<b>Bahtera Shipping Sdn. Bhd.</b>
A	Keberkesanan capai sasaran	Pengalaman
B	Pengalaman	Kelayakan
C	Kelayakan	Pengetahuan produk
D	Pengetahuan produk	Keberkesanan capai sasaran


23 Maklumat berikut berkaitan prosedur mengurus sumber fizikal.

Pengusaha sebuah pasaraya besar di Seremban membeli polisi insurans Z bagi melindungi dirinya daripada tuntutan pengunjung jika berlaku sesuatu risiko dipremisnya.

Apakah insurans Z?

- A Insurans gadaian
- B Insurans liabiliti awam
- C Insurans kemalangan peribadi
- D Insurans jaminan setia

24 Gambar 4 berkaitan sejenis sumber teknologi.




Gambar 4

Apakah prosedur untuk mengurus sumber tersebut?

- A Membuat penyelenggaraan enjin setiap bulan
- B Mendapatkan perlindungan hak cipta terpelihara
- C Melalui perlindungan insurans motor komprehensif
- D Mendaftarkan paten di Perbadanan Harta Intelek Malaysia

- 25 Gambar 5 merupakan satu aktiviti yang berlaku dalam sesebuah perniagaan.



Gambar 5

Apakah sumber fizikal dan sumber teknologi yang terlibat dalam aktiviti tersebut?

	Sumber Fizikal	Sumber Teknologi
A	Produk siap	Paten
B	Stok	Harta intelek
C	Kilang dan mesin	Kemahiran dan pengalaman
D	Bangunan dan kemudahan	Teknologi maklumat dan telekomunikasi

- 26 Antara berikut, manakah modal yang mudah cair dalam sesuatu perniagaan?
- I Jentera
  - II Inventori
  - III Wang tunai
  - IV Bangunan kilang
- A I dan II
  - B I dan IV
  - C II dan III
  - D III dan IV
- 27 Apakah kesan pemberian geran penyelidikan dan pembangunan kepada usahawan?
- A Mengurangkan beban kredit usahawan
  - B Menggalakkan usahawan lebih berinovatif
  - C Menjadikan cagaran bagi mendapatkan pinjaman
  - D Memudahkan usahawan mendapatkan khidmat pajakan

28 Gambar 6 berkaitan dengan salah satu sumber pembiayaan.

SEWA  
DARI  
RM  
sebulan

68\*\*

Mesin Fotostat Hitam/Putih  
DENGAN CIRI STANDARD

SALINAN CETAK IMBASAN FAKS RANGKAIAN

Gambar 6

Antara berikut, yang manakah kelebihan sumber pembiayaan tersebut?

- I Penggunaan aset mengikut tempoh
- II Menjadi hak milik selepas pembayaran
- III Pengecualian atas kos penyelenggaraan
- IV Mendapat kadar faedah yang rendah

- A I dan II
- B I dan III
- C II dan IV
- D III dan IV

29 Gambar 7 merupakan salah satu sumber pembiayaan kepada peniaga.

Savings Account Transaction Details / Butir-butir Transaksi Akaun Simpanan						
Account No / No Akaun		51-1103355-2 SAVINGS ACCOUNT (Eligible for Protection by PIDM)				
Date Tarikh	Description Diskripsi	Ref No Rujukan	Withdrawal Pengeluaran RM	Deposit Simpanan RM	GST CBP RM	Balance Baki RM
	OPENING BALANCE					550.00
7/02/2017	NET INSTANT TRANSFER / ATM DEBIT TRF, Fund Transfer		150.00			400.00
10/02/2017	ATM WITHDRAWAL / INTERBANK TRF FEE		0.53			400.45
12/02/2017	ATM WITHDRAW AT MEPS		50.00			449.45
15/02/2017	ATM WITHDRAW AT MEPS FEE		1.06			448.39
23/02/2017	WDL LOCAL BANK ATM		100.00			348.39
25/02/2017	INTEREST		0.03			348.77
CLOSING BALANCE / BAKI PENUTUP						348.77

Gambar 7

- Apakah kelemahan sumber pembiayaan tersebut?
- A Modal yang terhad  
 B Kos yang tinggi  
 C Faedah atas pinjaman  
 D Sukar untuk digunakan
- 30 Pihak manakah yang menggunakan maklumat penyata kewangan bagi memastikan jangkaan pulangan yang akan diperoleh?
- A Pembiaya  
 B Pihak pengurusan  
 C Pemegang saham  
 D Pembekal
- 31 Encik Zamrin, seorang usahawan Perindustrian Kecil dan Sederhana (PKS) mengalami masalah dalam keuntungan perniagaannya akibat pengurusan kos yang tidak cekap.
- Penyata kewangan yang manakah dapat membantu beliau dalam mengatasi masalah tersebut?
- A Kunci kira-kira  
 B Titik pulang modal  
 C Penyata pendapatan  
 D Penyata aliran tunai


*Soalan 32 dan 33 adalah berdasarkan maklumat penyata kewangan yang diambil daripada Perniagaan Perabot Jaya Berkat untuk tempoh 2 tahun.*

**Penyata Kewangan Perniagaan Perabot Jaya Berkat**

2019		2020
	RM	
Stok 1 Jan 2019	6 000	Pusing ganti stok = 5.01 kali
Jualan	76 500	
Kos jualan	52 500	
Stok 31 Dis 2019	19 000	
Belian	45 000	
Untung bersih	32 000	

- 32 Hitung pusing ganti stok bagi tahun 2019.
- A 4.0 kali  
 B 4.2 kali  
 C 5.3 kali  
 D 5.8 kali

- 33 Antara berikut, manakah kesan yang berlaku akibat perubahan kadar pusing ganti stok tersebut?
- I Hasil jualan meningkat
  - II Kos keusangan stok rendah
  - III Stok banyak dalam simpanan
  - IV Kos penyimpanan meningkat
- A I dan II
  - B I dan IV
  - C II dan III
  - D III dan IV
- 34 Situasi yang manakah menunjukkan ciri usahawan yang inovatif ?
- A Puan Maznah menubuhkan syarikat kawalan keselamatan yang majoriti diceburi oleh kaum lelaki.
  - B Cik Haziqah mengusahakan perniagaan kuih bulan untuk dipasarkan kepada pelanggan Muslim.
  - C Datuk Yusof menjadi pengarah filem terkenal walaupun memulakan karier seni sebagai pelakon tambahan.
  - D Puan Azean mengeluarkan produk sabun mandi yang mengandungi bahan herba semula jadi tanpa pengawet.
- 35 Apakah faktor penyumbang untuk memulakan perniagaan yang dapat memenuhi permintaan pasaran secara berterusan?
- A Stok
  - B Pemasaran
  - C Lokasi strategik
  - D Bantuan profesional
- 36 Rajah 4 menunjukkan kelebihan berniaga sebagai satu peluang kerjaya.




Rajah 4

Apakah kesan kepada negara sekiranya X tidak dapat dicapai?

- A Mengurangkan tenaga pakar
- B Meningkatkan defisit negara
- C Menghalang perkembangan pasaran
- D Melambatkan perkembangan teknologi

- 37 Penubuhan perniagaan milikan tunggal dan perkongsian tertakluk kepada
- A Akta Pendaftaran Perniagaan 1956
  - B Akta Hubungan Industri 1967
  - C Akta Perkongsian 1961
  - D Akta Perihal Dagangan 1972
- 38 Apakah langkah utama yang perlu dipatuhi oleh Kedai Perabot Joe & Jambul setelah mendaftarkan perniagaan?
- A Meletakkan papan tanda perniagaan mengikut kesesuaian saiz premis
  - B Menyimpan lesen perniagaan di dalam fail yang selamat
  - C Melantik setiausaha perniagaan dalam tempoh 30 hari
  - D Mempamerkan sijil perakuan pendaftaran perniagaan
- 39 Gambar 8 merupakan satu dokumen yang digunakan dalam perniagaan.



Gambar 8

- Apakah skop penggunaan dokumen tersebut?
- A Rekod jualan
  - B Rekod pembelian
  - C Rekod kos operasi
  - D Rekod ambilan barang
- 40 Maklumat berikut berkaitan dengan persediaan untuk menjalankan aktiviti pemasaran.

- Kemudahan yang disediakan
- Pakej yang ditawarkan
- Waktu operasi

- Apakah campuran pemasaran yang dimaksudkan?
- A Perkhidmatan
  - B Promosi
  - C Agihan
  - D Harga

**SOALAN TAMAT**